

Wakil rakyat BN, DAP bidas Lee Kuan Yew

Oleh NIZAM YATIM dan FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 24 April - Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang hari ini membidas Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew kerana mengeluarkan kenyataan angkuh apabila meletakkan republik itu sebagai sebuah negara 'yang amat istimewa' berbanding jirannya.

Pemangku Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC), Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar berkata, kenyataan itu jelas cuba menutup kelemahan negara itu yang banyak bergantung kepada negara jiran termasuk mendapatkan bekalan air dari Malaysia.

"Kuan Yew tidak sepatutnya membandingkan Singapura dengan jirannya kerana segala pembangunan yang dicapai berpunca kerana ia sebuah negara kecil yang mempunyai penduduk tidak ramai," katanya kepada *Utusan Malaysia* di lobi Parlimen hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Kuan Yew semalam yang menyifatkan republik itu sebagai sebuah negara 'yang amat istimewa' dan bukan 'negara biasa' seperti Malaysia.

"Kesilapan besar yang boleh dilakukan oleh mana-mana rakyat Singapura adalah mempercayai bahawa Singapura ialah sebuah negara biasa dan bersikap seperti negara biasa seperti Malaysia, seperti Indonesia, seperti Thailand, Filipina, Vietnam, Australia, New Zealand, Denmark..." kata beliau dipetik sebagai berkata oleh akhbar *The Straits Times*.

Menurut Kuan Yew, republik itu memerlukan satu 'kerajaan bergred tinggi', jikalau tidak negara itu hanya akan menjadi sebuah pulau yang tidak bermakna.

Raja Ahmad Zainuddin yang juga Ahli

Kuan Yew tidak sepatutnya membandingkan Singapura dengan jirannya kerana segala pembangunan yang dicapai berpunca kerana ia sebuah negara kecil yang mempunyai penduduk tidak ramai

Parlimen Larut berkata, kenyataan Menteri Mentor Singapura itu menunjukkan beliau tidak sensitif dengan perasaan negara-negara jiran.

Ahli Parlimen Tanjung dari DAP, Chow Kon Yeow pula berkata, kenyataan Kuan Yew itu bukan sesuatu yang ganjil memandangkan semua orang tahu sikap 'kiasu' atau takut kalah republik itu.

Beliau berkata, kenyataan itu juga berpunca kerana wujud perasaan rendah diri republik itu berikutan hakikat ia hanya sebuah negara kecil yang dikelilingi jiran yang lebih besar.


Katanya, ia juga cubaan menakutkan rakyat Singapura supaya mereka lebih berwaspada bagi menghadapi cabaran negara jiran yang kini semakin menyamai mereka dari segi pembangunan.

"Saya tidak menganggap ini bertujuan merendah-rendah negara jiran sebaliknya adalah untuk memotivasi penduduk negara itu dengan cara menimbulkan rasa takut," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail berkata, Singapura bukan sebuah negara yang amat istimewa kerana ia juga mempunyai banyak masalah seperti nega-



CHOW KON YEOW



RAHMAN ISMAIL

ra-negara jiran lain.

Beliau berkata, masalah berkenaan tidak banyak didedahkan kerana sikap kerajaan republik itu yang sering bertindak menutup mulut rakyatnya.

"Selalunya kalau orang itu juara, tidak perlu kata dia juara, sebab semua orang sudah tahu, kenapa perlu kita meniup trumpet sendiri," katanya.

Ahli Parlimen Kota Melaka, Wong Nai Chee berkata, kenyataan Kuan Yew terbit adalah bersifat peringatan kepada rakyat negara itu sahaja.

Beliau berkata, ia disebabkan Singapura menyedari bahawa negara itu perlu sentiasa terkehadapan berbanding negara lain

UM - 25/4/2007.
RAJA AHMAD
ZAINUDDIN
RAJA OMAR
Pemangku
Pengerusi Kelab
Penyokong
Barisan Nasional

kerana ia tiada sumber asli yang banyak seperti negara-negara jiran.

"Ini selalu dilakukan oleh Singapura bagi mengingatkan rakyat bahawa mereka perlu mencari idea-idea baru untuk memastikan ia sentiasa lebih baik daripada negara jiran," katanya.

Sementara itu Ahli Parlimen Gombak, Datuk Dr. Rahman Ismail turut berpendapat dengan Nai Chee.

Beliau berkata, Singapura merasakan ia sebuah negara maju dan paling terkehadapan berbanding jiran-jirannya hingga menyebabkan Kuan Yew mengeluarkan kenyataan seperti itu.

"Dia merasakan hebat, sebab itu bercajak begitu. Mungkin dia lupa bahawa dia juga memerlukan jiran-jirannya pada satu hari nanti," kata beliau.

Bagi Datuk Idris Haron, Ahli Parlimen Tangga Batu, Singapura menganggap dirinya sebagai sebuah negara tersendiri ekan kemajuan dan pembangunan yang dikecapi selama ini lebih terkehadapan berbanding negara-negara di Asia Tenggara.

"Itulah kenyataan Kuan Yew yang mencabuli semangat kerjasama serantau yang diilhamkan oleh pemimpin ASEAN suatu ketika dulu. Kenyataan itu tidak menampakkan semangat untuk memakmurkan ASEAN dan bercanggah dengan semangat memperkayakan negara dalam ASEAN ketika penubuhan pertubuhan serantau itu.

"Saya tidak nampak kenyataan itu boleh diterima kerana tanpa negara jiran, Singapura sebenarnya tidak akan berada pada kedudukan sekarang ini. Contohnya letakkan negara apa pun di kedudukan Singapura, ia boleh maju kerana menjadi singgahan kapal-kapal dan pedagang," tegas beliau.